

06/03/2004

Must perkenal dua kursus baru pikat Bumiputera

Hanneeyzah Bariah Baharin

KUALA LUMPUR: Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (Must) merancang untuk memperkenalkan dua kursus baru dalam usaha menarik minat lebih ramai pelajar khususnya golongan Bumiputra mengikuti kursus sains dan teknologi di universiti itu.

Presidennya, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata dua kursus baru itu ialah Ijazah Lanjutan dalam bidang Tenaga dan Alam Sekitar serta Sistem Kejuruteraan dan Pengurusan yang akan diperkenalkan selewat-lewatnya pada pengambilan pelajar bagi sesi Julai dan Ogos tahun ini.

Beliau berkata, selain memperkenalkan dua kursus baru, universiti berkenaan juga akan memperkenalkan program pengajian peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang juga akan dilaksanakan bagi sesi pengambilan Julai dan Ogos depan.

Katanya, kursus berkenaan diwujudkan bertujuan menarik dan menggalakkan lebih ramai pelajar khususnya golongan Bumiputra, mengikuti kursus dalam bidang sains dan teknologi yang semakin berkembang maju di negara ini.

Ahmad Tajuddin juga menggesa golongan Bumiputra merebut peluang dan menanam minat mengikuti kursus di bidang sains dan teknologi kerana menurutnya, dari lebih 100 pelajar di universiti itu, hanya lima peratus adalah golongan Bumiputra manakala kaum Cina adalah golongan minoriti.

"Kita ingin menarik dan menggalakkan lebih ramai golongan Bumiputra merebut peluang mengikuti kursus dalam bidang sains dan teknologi yang kita tawarkan, kerana bidang ini menjanjikan masa depan yang baik tambahan pula negara ini semakin membangun dalam usaha mencapai tahap negara maju.

"Bidang ini memang agak mencabar tetapi golongan Bumiputra harus mengubah sikap takut menghadapi cabaran kerana jika berusaha peluang untuk berjaya dalam bidang ini terbuka luas," katanya yang ditemui selepas merasmikan Hari Terbuka universiti itu, di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Ahmad Tajuddin berkata, universiti berkenaan juga mensasarkan untuk membuka peluang pelajar luar negara mengikuti kursus sains dan teknologi di universiti itu kerana permintaan terutamanya dari beberapa negara Asia amat menggalakkan.

"Sebelum ini kita ada menerima lawatan dari beberapa universiti di Vietnam dan mereka jelas berminat untuk mengikuti program yang ditawarkan di sini. Permintaan juga datang daripada pelajar negara asing lain dan oleh kerana itu kita bercadang meluaskan program kita khususnya di negara Asia.

"Mereka ingin merebut peluang ini kerana sedar agak sukar untuk meneruskan pelajaran dalam bidang sains dan teknologi di negara Barat seperti Amerika Syarikat yang lebih banyak persaingan, selain kos pembelajarannya yang lebih mahal," katanya.

Must adalah universiti yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia mempunyai Perjanjian Kerjasama dengan Massachusetts Institute of Technology, (MIT) di Amerika Syarikat dan memberi tumpuan kepada penyelidikan lepasan ijazah dalam bidang sains dan teknologi.

Terdahulu, Must mengadakan Hari Terbuka kali pertama yang bertujuan memperkenalkan kewujudan program yang ditawarkan, selain membuka peluang kepada mereka yang berminat melanjutkan pelajaran untuk melihat sendiri kelebihan Must.